

PROGRAM MORATORIUM 6 BULAN CIMB – UNTUK INDIVIDU

22 MEI 2020

No.	Soalan	Jawapan
Bahagian 1: Soalan lazim tentang moratorium/penangguhan ke atas pinjaman/pembiayaan		
1	Apakah moratorium ke atas pembayaran balik pinjaman atau pembiayaan?	<p>Moratorium merupakan penangguhan atau penggantungan obligasi pembayaran balik pinjaman/pembiayaan (prinsipal dan faedah/keuntungan) untuk jangka masa yang terhad.</p> <p>Selama tempoh ini, peminjam/pelanggan yang mempunyai pinjaman/pembiayaan yang memenuhi kriteria tidak perlu membuat sebarang pembayaran balik, dan caj atau penalti bayaran lewat tidak akan dikenakan.</p>
2	Pinjaman/pembiayaan yang manakah layak menerima penangguhan ini?	<p>CIMB akan memberi moratorium automatik selama 6 bulan untuk pelanggan-pelanggan Individu selagi pinjaman/pembiayaan dengan bayaran ansuran bulanan/bayaran yang dijadualkan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak tertunggak selama lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020. • Dalam denominasi Ringgit Malaysia.
3	Adakah faedah/keuntungan akan dikecualikan, atau faedah/keuntungan akan dikenakan semasa tempoh moratorium 6 bulan?	<p>Faedah/keuntungan tidak akan dikecualikan semasa program moratorium dan akan dicaj, tetapi anda tidak perlu membuat bayaran sehingga tempoh moratorium berakhir. Namun begitu, pada masa yang akan datang anda masih perlu membuat pembayaran untuk faedah/keuntungan yang terakru.</p> <p>Faedah ke atas pinjaman konvensional tidak akan dikompaun sepanjang tempoh moratorium. Untuk pembiayaan Islamik, keuntungan akan terakru secara berterusan sepanjang tempoh moratorium. Keuntungan tidak akan dikompaun selaras dengan prinsip Syariah.</p> <p>Bayaran untuk pinjaman/pembiayaan akan bersambung semula selepas tempoh moratorium.</p>
4	Bolehkah saya memohon untuk moratorium selanjutnya lebih daripada 6 bulan?	Tempoh moratorium adalah hanya selama 6 bulan, seperti yang diumumkan oleh BNM. Walau bagaimanapun, sila hubungi kami jika anda mengalami kesukaran untuk menjelaskan bayaran selepas tempoh moratorium 6 bulan tersebut. Anda boleh menghubungi Pusat Hubungan kami.
5	Jika saya memilih untuk menerima penangguhan, adakah rekod CCRIS saya akan	Tidak, penangguhan ini tidak akan menjejaskan rekod kredit (CCRIS) anda.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
	terjejas?	
6	Perlukah saya mengemukakan permohonan?	Anda tidak perlu melakukan sebarang tindakan untuk menyertai kerana pihak bank akan mendaftarkan semua individu yang layak menyertai secara automatik.
7	Pinjaman/pembiayaan saya gagal dibayar balik, bolehkah saya memohon untuk moratorium?	<p>Akaun pinjaman/pembiayaan anda layak jika ia mempunyai tunggakan selama 90 hari atau kurang, dan adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia.</p> <p>Akaun pinjam pinjaman/pembiayaan yang mempunyai tunggakan selama lebih daripada 90 hari tidak layak untuk menerima penangguhan. Anda boleh menghubungi Pusat Hubungan kami untuk perbincangan selanjutnya.</p>
8	Adakah pinjaman/pembiayaan di bawah program penstrukturan dan penjadualan semula (R&R) layak menerima program moratorium?	Pinjaman/pembiayaan di bawah program R&R juga layak menerima penangguhan, tertakluk kepada memenuhi kriteria yang ditetapkan.
9	Adakah program moratorium ini terpakai kepada pinjaman/pembiayaan yang baru diluluskan/baru dikeluarkan/dilepaskan secara progresif?	<p>Ya, program ini adalah terpakai kepada semua pinjaman/pembiayaan yang belum dijelaskan setakat 1 April 2020.</p> <p>Jika pinjaman/pembiayaan anda telah dikeluarkan selepas 1 April 2020, anda boleh memohon untuk program moratorium. Permohonan anda adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak bank.</p>
Bahagian 2: Soalan tambahan		
10	Adakah saya masih boleh memohon untuk kemudahan pinjaman/pembiayaan baru daripada CIMB semasa tempoh moratorium?	Ya, anda masih boleh memohon untuk pinjaman/pembiayaan lain dengan CIMB. Permohonan anda adalah tertakluk kepada kelulusan kredit oleh pihak bank
11	Sebelum ini, permohonan saya untuk Pelepasan Pembiayaan Runcit dengan CIMB telah ditolak. Adakah saya	Anda mungkin layak, tertakluk kepada memenuhi kriteria program ini.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
	masih layak menerima moratorium?	
12	Adakah moratorium ini terpakai sekiranya permohonan untuk pinjaman/pembiayaan telah dibuat sebelum 1 April tetapi dikeluarkan selepas 1 April?	<p>Untuk pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan selepas 1 April 2020, pihak Bank tidak dapat mendaftarkan anda untuk program moratorium 6 bulan ini secara automatik.</p> <p>Walau bagaimanapun, anda boleh memohon dan ianya tertakluk kepada kelulusan oleh pihak bank.</p>
13	Adakah moratorium ini dilanjutkan kepada pinjaman/pembiayaan di bawah pelepasan progresif (untuk pinjaman/pembiayaan yang dilepaskan kepada syarikat pemaju hartanah mengikut tahap kemajuan pembinaan)?	<p>Ya, ianya terpakai kepada pinjaman/pembiayaan di bawah pelepasan progresif.</p> <p>Faedah/keuntungan akan terus diakru sepanjang tempoh moratorium dan anda perlu menyelesaikan pembayaran balik ke atas faedah/keuntungan itu sebelum pinjaman/pembiayaan dikeluarkan sepenuhnya.</p> <p>Jika tidak, bayaran ansuran bulanan yang dibuat (setelah pembayaran ansuran bermula) akan diagihkan terlebih dahulu kepada bayaran faedah/keuntungan yang diakru semasa tempoh moratorium sehingga faedah/keuntungan terakru itu dibayar sepenuhnya.</p>
14	Sekiranya saya telah berdaftar di bawah program AKPK, adakah saya layak menyertai program moratorium?	<p>Ya, anda layak menyertai program ini.</p> <p>Jika anda mempunyai pertanyaan atau tidak ingin menyertai, sila hubungi AKPK secara langsung.</p>
15	<p>Saya merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh BNM pada 30 April 2020 mengenai perubahan ke atas proses moratorium untuk Pinjaman/ Pembiayaan Sewa Beli dan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi Kadar Tetap.</p> <p>Saya mempunyai pinjaman/ pembiayaan peribadi pada kadar tetap dengan CIMB,</p>	<p>Pengumuman oleh BNM <u>hanya</u> kepada Pembiayaan Auto Kadar Tetap CIMB. Sila rujuk soalan lazim Program Moratorium Pembiayaan Auto selaras dengan pengumuman BNM bertarikh 30 April 2020 tentang Pembiayaan Auto Kadar Tetap.</p> <p>Berikut adalah maklumat terkini mengenai produk pinjaman/ pembiayaan peribadi dengan kadar tetap dari CIMB Bank & CIMB Islamic Bank:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembiayaan Awam-i, Pembiayaan Xpress Cash-i dan Pembiayaan Perumahan Tetap-i – Atas dasar muhibah, CIMB tidak akan mengenakan sebarang caj atau keuntungan tambahan bagi moratorium 6 bulan. 2. Semua produk pinjaman/pembiayaan peribadi lain – tidak akan terkesan akibat kemas kini baru dari BNM dan akan terus berjalan mengikut proses moratorium semasa yang diumumkan pada 1

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan														
	adakah saya juga terkesan?	April 2020.														
Bahagian 3 : Proses Pilih Keluar (Opt-Out)																
16	Saya ingin meneruskan pembayaran balik pinjaman/pembiayaan saya. Bagaimanakah boleh saya pilih keluar (<i>opt-out</i>) daripada menyertai program moratorium automatik ini?	<p>Jika anda ingin memilih untuk keluar (<i>opt-out</i>) daripada program ini, anda boleh menghantar permohonan melalui SMS ke pihak Bank.</p> <p>OPTOUT<jarak>4 Digit Terakhir NRIC / Nombor Pasport<jarak>Nombor Akaun Pinjaman/Pembiayaan</p> <p>Pihak Bank akan menghantar pengesahan melalui SMS untuk tujuan makluman jika permohonan pilih keluar anda berjaya didaftar. Sila pastikan anda membuat bayaran ansuran bulanan seterusnya seperti biasa mengikut jadual bayaran yang sedia ada.</p> <p>Anda juga boleh <i>opt-out</i> selepas 8 April 2020 dengan menghantar SMS ke 62666 mengikut format yang dinyatakan di atas. Jika anda membuat sedemikian, bayaran ansuran bulanan anda akan bersambung semula seperti yang ditunjuk berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tarikh SMS <i>Opt-Out</i> ke CIMB yang Berjaya</th> <th>Tarikh bayaran bulanan seterusnya</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>31 Mac – 7 April 2020</td> <td>1 April 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td>8 April – 24 April 2020</td> <td>1 Mei 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td>25 April – 24 Mei 2020</td> <td>1 Jun 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td>25 Mei – 24 Jun 2020</td> <td>1 Julai 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td>25 Jun – 24 Julai 2020</td> <td>1 Ogos 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td>25 Julai – 24 Ogos 2020</td> <td>1 September 2020 selanjutnya</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh SMS <i>Opt-Out</i> ke CIMB yang Berjaya	Tarikh bayaran bulanan seterusnya	31 Mac – 7 April 2020	1 April 2020 selanjutnya	8 April – 24 April 2020	1 Mei 2020 selanjutnya	25 April – 24 Mei 2020	1 Jun 2020 selanjutnya	25 Mei – 24 Jun 2020	1 Julai 2020 selanjutnya	25 Jun – 24 Julai 2020	1 Ogos 2020 selanjutnya	25 Julai – 24 Ogos 2020	1 September 2020 selanjutnya
Tarikh SMS <i>Opt-Out</i> ke CIMB yang Berjaya	Tarikh bayaran bulanan seterusnya															
31 Mac – 7 April 2020	1 April 2020 selanjutnya															
8 April – 24 April 2020	1 Mei 2020 selanjutnya															
25 April – 24 Mei 2020	1 Jun 2020 selanjutnya															
25 Mei – 24 Jun 2020	1 Julai 2020 selanjutnya															
25 Jun – 24 Julai 2020	1 Ogos 2020 selanjutnya															
25 Julai – 24 Ogos 2020	1 September 2020 selanjutnya															
17	Saya mempunyai sebilangan pinjaman/pembiayaan, namun saya ingin moratorium untuk beberapa sahaja dan bukan untuk yang lain. Apakah proses yang berkenaan?	<p>Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih mana-mana akaun untuk menyertai program ini. Anda boleh memilih akaun untuk dikeluarkan daripada moratorium ini dan untuk setiap akaun tersebut, anda perlu menghantar permohonan <i>opt-out</i> melalui SMS.</p> <p>Sila rujuk kepada Soalan 16 untuk proses pilih keluar (<i>opt-out</i>).</p>														

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
Bahagian 4: Soalan Berkenaan Dengan Pembayaran		
18	Bolehkah saya menghantar permohonan SMS untuk pilih keluar (<i>opt-out</i>) pada 10 April 2020?	Ya, anda boleh memilih untuk keluar. Sila rujuk kepada Soalan 15 untuk jadual pembayaran seterusnya.
19	Saya telah menghantar permohonan untuk <i>opt-out</i> tetapi telah menukar fikiran. Adakah saya masih boleh menyertai program ini?	Ya, boleh. Sila hubungi Pusat Hubungan kami jika anda ingin menyertai program ini.
20	Apakah yang perlu saya lakukan jika bayaran balik pinjaman/pembiayaan saya adalah secara Auto Debit melalui akaun CIMB?	Sekiranya potongan bayaran automatik akaun anda adalah berdaftar di bawah akaun CIMB, ia akan digantung efektif 2 April 2020 dan pembayaran auto akan dihentikan sepanjang tempoh moratorium. Pembayaran automatik akan bersambung semula pada 1 Oktober 2020 seterusnya.
21	Bolehkah saya mendapat pembayaran balik jika bayaran pinjaman/pembiayaan telah dibuat secara automatik melalui Auto Debit pada 1 April 2020?	Ya, kami akan membayar balik bayaran tersebut ke akaun Semasa/Simpanan CIMB anda pada 15 April 2020 jika anda ingin menyertai program moratorium 6 bulan. Untuk akaun bukan CIMB, sila hubungi bank atau institusi tersebut untuk menghentikan Arahan Tetap.
22	Apakah yang perlu saya lakukan jika pembayaran balik pinjaman/pembiayaan adalah melalui Arahan Tetap yang dijadualkan melalui CIMB Clicks?	Anda perlu log masuk ke CIMB Clicks untuk menukar bayaran yang dijadualkan ke 1 Oktober 2020.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
23	Apakah yang perlu saya lakukan jika pembayaran balik pinjaman/pembiayaan adalah melalui Arahan Tetap yang dijadualkan daripada bank/institusi yang lain?	Sila hubungi bank/institusi tersebut untuk menghentikan arahan tetap sepanjang tempoh 6 bulan ini.
24	Apakah yang perlu saya lakukan jika tarikh bayaran perlu dibuat bagi pinjaman/pembiayaan saya telah diubah ke Oktober 2020 di CIMB Clicks?	Tidak perlu buat apa-apa! Oleh sebab anda menyertai program moratorium 6 bulan, tarikh bayaran perlu dibuat yang seterusnya telah dikemaskini ke Oktober 2020 secara automatik.
25	Jika saya telah menyertai program moratorium 6 bulan, mengapakah terdapat 'caj lewat bil semasa' (<i>current bill late charges</i>) di dalam akaun pinjaman/pembiayaan saya di CIMB Clicks?	Ia merupakan caj lewat yang terkumpul setakat 31 Mac 2020, dan anda perlu menyelesaikan caj-caj lewat tersebut.
26	Saya telah menyemak akaun saya di CIMB Clicks baru-baru ini dan melihat bahawa terdapat jumlah di bawah 'caj bil semasa' (<i>current bill charges</i>). Apakah itu dan perlukah saya menjelaskannya?	Jumlah-jumlah yang dicaj ini adalah berkaitan dengan fi yang dikenakan ke atas pinjaman/pembiayaan anda seperti insurans kebakaran, fi bulanan, dll., dan anda perlu menjelaskan caj-caj tersebut.
27	Jika saya telah menyertai program moratorium 6 bulan tetapi melihat bahawa terdapat 'baki belum jelas caj lewat' (<i>outstanding late</i>	Tidak. Akaun anda telah didaftarkan untuk program menyertai program moratorium 6 bulan secara automatik dan telah bermula pada 10 April 2020. Oleh sebab, caj lewat telah dikira dari 1 hingga 9 April 2020, namun anda tidak perlu membayar jumlah tersebut. Jumlah itu akan dikecualikan pada bulan Jun 2020.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
	<i>charges</i>) di dalam akan saya tetapi jumlah prinsipal, faedah, dan caj lewat tidak dinyatakan di CIMB Clicks. Perlukah saya membayar?	
28	Saya perasan bahawa tarikh kematangan akaun saya telah berubah apabila saya menyemak akaun saya secara dalam talian, mengapakah ia berubah?	Untuk akaun pinjaman/pembiayaan yang menyertai program moratorium automatik 6 bulan, tempoh pinjaman/pembiayaan akan dilanjutkan secara automatik untuk membantu meringankan beban bayaran anda apabila tempoh pinjaman/pembiayaan mencapai kematangan. Sila rujuk kepada Soalan 31 untuk maklumat lanjut.
Bahagian 5: Soalan lain berkenaan dengan Pinjaman/Pembiayaan		
29	Saya sudah menjelaskan bayaran ansuran untuk bulan April 2020, apakah yang akan berlaku dengan bayaran tersebut?	Jika anda menyertai program moratorium 6 bulan dan telah membuat bayaran melalui auto debit, sila rujuk kepada Soalan 21. Jika anda menyertai program moratorium 6 bulan dan telah terus membayar untuk pinjaman/pembiayaan anda, SMS akan dihantar untuk mengesahkan penyertaan anda. Jika anda telah memilih untuk keluar (<i>opt-out</i>) daripada program moratorium 6 bulan ini, bayaran tersebut akan dikira sebagai bayaran ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan anda seperti biasa.
30	Bolehkah saya mengeluarkan duit KWSP untuk membayar hartanah saya?	Pengeluaran duit KWSP adalah tertakluk kepada Garis Panduan Berkanun KWSP.
31	Jika saya telah membuat bayaran untuk pinjaman/pembiayaan semasa tempoh moratorium, bolehkah saya menarik balik bayaran tersebut?	Ya, anda boleh menarik balik bayaran untuk <i>SmartFlexi Property Financing</i> dan <i>HomeFlexi Property Financing</i> . Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman web kami www.cimb.com.my Untuk pinjaman/pembiayaan lain, sila rujuk kepada Soalan 21.
32	Adakah pihak Bank akan mengenakan fi berkaitan dengan	Fi atau caj tambahan tidak akan dikenakan ke atas program ini, kecuali Pinjaman/Pembiayaan Auto Kadar Tetap, sila rujuk soalan 38.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan												
	program moratorium?													
33	Adakah tempoh kematangan pinjaman/pembiayaan saya akan bertukar jika saya menyertai program moratorium ini?	<p>Untuk Pembiayaan Auto, sila rujuk kepada Soalan 35.</p> <p>Untuk Pembiayaan Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Pembiayaan Hartanah, tempoh kematangan pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan sehingga 9 bulan sama ada konvensional atau Islamik. Jika tempoh kematangan pinjaman/pembiayaan anda sekarang adalah pada tempoh maksimum iaitu 35 tahun, tempoh tersebut akan dilanjutkan selama 6 bulan maksimum.</p> <p>Untuk pembiayaan peribadi, tempoh kematangan pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan berdasarkan kepada rekod tingkah laku pembayaran semasa bagi akaun anda, sama ada untuk Konvensional atau Islamik.</p> <table border="1" data-bbox="565 800 1300 1230"> <thead> <tr> <th data-bbox="565 800 995 867">Tingkah Laku Semasa Akaun</th> <th data-bbox="995 800 1300 867">Pinjaman/Pembiayaan akan dilanjutkan selama</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="565 867 995 936">Tingkah laku baik dengan pembayaran balik terkini</td> <td data-bbox="995 867 1300 936">6 bulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="565 936 995 1010">Tunggakan bayaran selama kurang daripada 30 hari</td> <td data-bbox="995 936 1300 1010">6 bulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="565 1010 995 1083">Tunggakan bayaran selama 30-59 hari</td> <td data-bbox="995 1010 1300 1083">7 bulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="565 1083 995 1157">Tunggakan bayaran selama 60-89 hari</td> <td data-bbox="995 1083 1300 1157">8 bulan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="565 1157 995 1230">Tunggakan bayaran selama hari ke-90</td> <td data-bbox="995 1157 1300 1230">9 bulan</td> </tr> </tbody> </table>	Tingkah Laku Semasa Akaun	Pinjaman/Pembiayaan akan dilanjutkan selama	Tingkah laku baik dengan pembayaran balik terkini	6 bulan	Tunggakan bayaran selama kurang daripada 30 hari	6 bulan	Tunggakan bayaran selama 30-59 hari	7 bulan	Tunggakan bayaran selama 60-89 hari	8 bulan	Tunggakan bayaran selama hari ke-90	9 bulan
Tingkah Laku Semasa Akaun	Pinjaman/Pembiayaan akan dilanjutkan selama													
Tingkah laku baik dengan pembayaran balik terkini	6 bulan													
Tunggakan bayaran selama kurang daripada 30 hari	6 bulan													
Tunggakan bayaran selama 30-59 hari	7 bulan													
Tunggakan bayaran selama 60-89 hari	8 bulan													
Tunggakan bayaran selama hari ke-90	9 bulan													
34	Adakah jumlah bayaran balik ansuran bulanan saya akan meningkat selepas moratorium 6 bulan?	<p>Untuk Pembiayaan Auto, sila rujuk kepada Soalan 36.</p> <p>Untuk Pembiayaan ASB atau Pembiayaan Hartanah, bayaran ansuran bulanan anda akan dipinda apabila ada pindaan ke atas Kadar Asas / Kadar Pinjaman Asas / Kadar Pembiayaan Asas. Jika tidak, oleh sebab tempoh moratorium 6 bulan, anda mungkin perlu membayar jumlah keseluruhan yang lebih tinggi apabila pembiayaan mencapai kematangan.</p> <p>Untuk pembiayaan peribadi, jumlah bayaran ansuran bulanan akan kekal sama kerana tempoh/tempoh kematangan telah dilanjutkan sewajarnya.</p> <p>Bermula 1 Oktober 2020, bayaran ansuran bulanan anda akan diagihkan terlebih dahulu untuk menjelaskan faedah/keuntungan yang terakru sepanjang tempoh moratorium 6 bulan. Setelah faedah/keuntungan yang</p>												

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan												
		terkaru itu diselesaikan, bayaran ansuran bulanan anda akan kembali kepada membayar untuk prinsipal dan faedah/keuntungan.												
Bahagian 6: Soalan berkenaan dengan Awam-i														
35	Adakah Pembiayaan Awam-i layak menyertai program moratorium 6 bulan?	<p>Ya, semua pembiayaan Awam-i akan didaftarkan secara automatik untuk menyertai program moratorium selagi bayaran bulanan/bayaran yang dijadualkan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak tertunggak selama lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020. • Dalam denominasi Ringgit Malaysia. <p>Jika anda ingin memilih untuk keluar (<i>opt-out</i>) daripada program ini, anda boleh menghantar permohonan melalui SMS ke pihak Bank.</p> <p>OPTOUT<jarak>4 Digit Terkahir NRIC / Nombor Pasport<jarak>Nombor Akaun Pinjaman/Pembiayaan</p> <p>Pihak Bank akan menghantar pengesahan melalui SMS untuk tujuan makluman jika permohonan pilih keluar anda berjaya didaftar. Sila pastikan anda membuat bayaran ansuran bulanan seterusnya seperti biasa mengikut jadual bayaran yang sedia ada.</p> <p>Anda juga boleh <i>opt-out</i> selepas 8 April 2020 dengan menghantar SMS ke 62666 mengikut format yang dinyatakan di atas. Jika anda membuat sedemikian, bayaran ansuran bulanan anda akan bersambung semula seperti yang ditunjuk berikut:</p> <table border="1" data-bbox="565 1465 1289 1843"> <thead> <tr> <th data-bbox="570 1472 899 1562">Tarikh SMS <i>Opt-Out</i> ke CIMB yang Berjaya</th> <th data-bbox="899 1472 1284 1562">Tarikh bayaran bulanan seterusnya</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="570 1562 899 1619">31 Mac – 7 April 2020</td> <td data-bbox="899 1562 1284 1619">1 April 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td data-bbox="570 1619 899 1675">8 April – 24 April 2020</td> <td data-bbox="899 1619 1284 1675">1 Mei 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td data-bbox="570 1675 899 1732">25 April – 24 Mei 2020</td> <td data-bbox="899 1675 1284 1732">1 Jun 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td data-bbox="570 1732 899 1789">25 Mei – 24 Jun 2020</td> <td data-bbox="899 1732 1284 1789">1 Julai 2020 selanjutnya</td> </tr> <tr> <td data-bbox="570 1789 899 1843">25 Jun – 24 Julai 2020</td> <td data-bbox="899 1789 1284 1843">1 Ogos 2020 selanjutnya</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh SMS <i>Opt-Out</i> ke CIMB yang Berjaya	Tarikh bayaran bulanan seterusnya	31 Mac – 7 April 2020	1 April 2020 selanjutnya	8 April – 24 April 2020	1 Mei 2020 selanjutnya	25 April – 24 Mei 2020	1 Jun 2020 selanjutnya	25 Mei – 24 Jun 2020	1 Julai 2020 selanjutnya	25 Jun – 24 Julai 2020	1 Ogos 2020 selanjutnya
Tarikh SMS <i>Opt-Out</i> ke CIMB yang Berjaya	Tarikh bayaran bulanan seterusnya													
31 Mac – 7 April 2020	1 April 2020 selanjutnya													
8 April – 24 April 2020	1 Mei 2020 selanjutnya													
25 April – 24 Mei 2020	1 Jun 2020 selanjutnya													
25 Mei – 24 Jun 2020	1 Julai 2020 selanjutnya													
25 Jun – 24 Julai 2020	1 Ogos 2020 selanjutnya													

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan	
		25 Julai – 24 Ogos 2020	1 September 2020 selanjutnya
36	Perluakah saya memaklumkan majikan / Koperasi / BPA untuk menghentikan atau meneruskan potongan gaji saya?	<p>Anda tidak perlu memaklumkan majikan anda kerana potongan gaji akan terus berjalan seperti biasa.</p> <p>Walau bagaimanapun, jika anda menyertai program moratorium 6 bulan, pihak Bank akan membayar balik potongan tersebut kepada mereka.</p>	
37	Mengapakah CIMB tidak boleh hentikan potongan gaji untuk Awam-i?	<p>Semua potongan gaji adalah dibuat oleh pengatur bayaran (iaitu Koperasi/rakan kerjasama potongan) melalui sistem BIRO Angkasa mengikut perjanjian yang terdahulu yang telah mendapat kebenaran dari pelanggan yang memilih untuk mengambil kemudahan pembiayaan <i>Awam-i</i>.</p> <p>Namun begitu, CIMB akan memproses bayaran balik bulanan kepada pelanggan untuk semua potongan gaji yang dibuat semasa tempoh moratorium dari 1 April ke 30 September 2020.</p>	
38	Adakan potongan gaji akan terhenti disebabkan pengumuman oleh Suruhan jaya Koperasi Malaysia (SKM baru-baru ini ?	<p>Selaras dengan pengumuman oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 27 April 2020, pihak BIRO Angkasa akan memberhentikan sementara potongan gaji oleh pengatur bayaran (koperasi) semasa tempoh moratorium (June hingga Semptember 2020).</p> <p>Akaun di bawah Koperasi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Potongan gaji anda secara sementara akan diberhentikan pempotongan semasa tempoh moratorium (June hingga Semptember 2020) • Disebabkan pemberhentian potongan, pembayaran balik ansuran tidak akan dibuat. <p>Akaun di bawah bukan-koperasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Potongan gaji akan berjalan seperti sedia kala. 	


Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
39	Mengapakah pemberhentian potongan gaji tidak dikenakan ke atas pengatur bayaran lain (bukan koperasi) ?	<p>Bukan koperasi adalah bukan ahli kepada SKM dan tidak tertakluk pada aturan oleh SKM.</p> <p>Potongan gaji akan diteruskan melalui sistem BIRO Angkasa seperti perjanjian terdahulu melalui kebenaran pelanggan yang memilih dan mengambil pembiayaan Awam-I ini.</p>
40	Bagaimanakah saya akan menerima pembayaran balik ansuran bulanan bagi potongan gaji saya dari CIMB Bank?	<p>Bagi mereka yang layak dan adalah berdaftar untuk pembiayaan Awam-i, pembayaran balik ansuran akan dikreditkan ke akaun semasa/simpanan yang aktif mengikut yang berikut:</p> <p><u>Kumpulan 1:</u></p> <p>Para pelanggan yang mempunyai Akaun CIMB Semasa/Simpanan/-i yang aktif</p> <p>Pembayaran balik ansuran akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun semasa atau simpanan CIMB anda dalam tempoh 3 hari bekerja setelah menerima dana dari pengatur bayaran (iaitu Koperasi / rakan kerjasama potongan).</p> <p>Sila rujuk Soalan 10 untuk keterangan lebih lanjut.</p> <p><u>Kumpulan 2:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan tanpa Akaun CIMB Semasa/Simpanan/-i • Pemegang Akaun CIMB tetapi akaun sudah dormant <p>Kami memerlukan anda untuk menghantar butiran akaun aktif yang didaftarkan di bawah nama anda (Sila rujuk Q41). Pembayaran balik ansuran akan dikreditkan di bawah nama anda melalui <i>Inter Bank Giro</i> (IBG). Proses ini mungkin akan mengambil masa 7-10 hari bekerja setelah menerima dana daripada pengatur bayaran (iaitu Koperasi / rakan kerjasama potongan)</p> <p><u>Kumpulan 3:</u></p> <p>Pelanggan yang tidak menghantar butiran akaun</p> <p>Dalam kes ini, pembayaran balik ansuran akan dikreditkan ke dalam</p>


Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
		<p>akaun pembiayaan sebagai bayaran pendahuluan. Kami akan membuat pembayaran balik kepada pelanggan apabila menerima butiran akaun.</p>
41	<p>Bagaimanakah saya boleh menghantar butiran IBG (Bukan CIMB) Semasa atau Simpanan/-i untuk pembayaran balik ini?</p>	<p>Kami memerlukan butiran Akaun Semasa/Simpanan/-i yang aktif untuk membuat sebarang pembayaran balik bagi potongan gaji, sama ada akaun ini adalah dengan CIMB atau institusi kewangan yang lain.</p> <p>Anda hanya perlu memastikan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor akaun anda adalah betul, • Akaun anda adalah aktif dan merupakan akaun Semasa atau Simpanan/-i, iaitu akaun di bawah nama anda sebagai pemegang akaun, dan • boleh menerima pindahan dana melalui IBG. <p>Terdapat 4 cara untuk anda menghantar butiran Akaun Semasa atau Simpanan/-i anda kepada kami.</p> <p><u>Cara 1 – Hantar SMS ke CIMB Bank</u></p> <p>SMS ke 62666 seperti berikut:</p> <p>AW<jarak>"Nombor Akaun Pembiayaan Awam-i Anda"<jarak>"Kod Bank Benefisiari" <space>"Nombor Akaun Bank Benefisiari"</p> <p>Contoh: AW 1234567890 08 114197231099</p> <p>Pihak Bank akan menghantar SMS pengesahan untuk memaklumkan anda sekiranya permohonan pembayaran balik anda adalah berjaya. Sekiranya anda menerima jawapan automatik bahawa mesej anda ditolak, sila semak format mesej anda dan hantar semula SMS kepada kami. Jika anda masih mempunyai sebarang isu, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 03-6204 7788.</p> <p><u>Cara 2 – Hubungi Pusat Panggilan kami di 03-6204 7788</u></p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
		<p><u>Cara 3 – Lawati mana-mana cawangan CIMB yang terdekat</u></p> <p><u>Cara 4 – Kami akan menghubungi anda</u></p> <p>Anda juga akan menerima panggilan dari 03-22036400 dalam bulan April 2020 untuk membantu anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan proses ini.</p>
42	Di manakah saya boleh mendapatkan nombor akaun pinjaman Awam-i saya?	Anda boleh log masuk ke CIMB Clicks, hubungi pusat hubungan kami atau lawati mana-mana cawangan kami.
43	Adakah saya akan mendapat bayaran balik untuk fi perkhidmatan 2% yang dikenakan?	<p>Bank telah memutuskan untuk menyerap fi 2% yang dikenakan oleh pengatur bayaran (iaitu koperasi / bukan koperasi), dan sukacita dimaklumkan bahawa kami akan membayar balik fi tersebut kepada anda.</p> <p>Pembayaran balik untuk fi perkhidmatan 2% ini akan dikreditkan ke akaun anda.</p>
44	Berapa lamakah masa yang akan diambil untuk saya menerima pembayaran balik saya?	<p>Kami hanya boleh membuat bayaran balik kepada anda selepas pengatur bayaran (iaitu koperasi / bukan koperasi) telah memberi maklumat dan pembayaran kepada CIMB.</p> <p>Anda juga akan dimaklumkan melalui SMS mengenai status bayaran balik anda apabila selesai.</p> <p><u>Ilustrasi proses pembayaran balik</u></p>  <p>Pelanggan yang ada Akaun Semasa/Simpanan/-i dengan CIMB</p> <p>HARI PERTAMA → HARI KE 3 → HARI KE 4</p> <p>HARI PERTAMA: Pengatur Bayaran (Fail Pembayaran Diterima dari Pengatur Bayaran)</p> <p>HARI KE 3: Bayaran Balik (Proses pembayaran balik / Kredit pembayaran balik ke dalam akaun CIMB)</p> <p>HARI KE 4: Notifikasi (Notifikasi Pesanan Ringkas (SMS) untuk status bayaran balik)</p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
		 <p>Penafian: Faktor yang mempengaruhi garis panduan masa ini adalah seperti berikut: 1. Proses penyerahan maklumat pembayaran yang diterima dari unit gaji yang berkenaan dan BIRO Angkasa. 2. Potongan gaji oleh Kerajaan Negeri selalunya akan mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan potongan oleh Perbendaharaan Pusat. 3. Proses pembayaran oleh BIRO Angkasa selalunya akan mengambil masa 2-3 hari bekerja. 4. Pengatur bayaran memerlukan sehingga 1 hari bekerja untuk memproses fail bayaran sebelum menghantar ke CIMB Bank.</p>
45	Adakah saya akan menerima notifikasi apabila bayaran balik telah selesai?	Ya, kami akan memaklumkan anda melalui notifikasi SMS setelah pembayaran balik telah selesai. Jika pembayaran balik tersebut tidak boleh diselesaikan, anda juga akan dimaklumkan melalui SMS.
46	Apa yang akan berlaku sekiranya saya hanya menghantar butiran akaun saya 3 bulan selepas permulaan tempoh moratorium ini pada 1 April? Adakah saya akan mendapat bayaran balik saya?	Kami akan membayar balik bayaran pendahuluan 3 bulan yang terletak di dalam akaun pembiayaan anda ke dalam akaun anda apabila kami telah menerima butiran akaun tersebut. Harap maklum bahawa bayaran balik hanya akan dibuat jika akaun pembiayaan anda tidak mempunyai tunggakan melebihi 90 hari pada 1 April 2020 dan anda tidak memilih untuk keluar (<i>opt out</i>) dari program ini.
47	Perluakah saya memohon untuk dibayar balik setiap bulan bagi akaun semasa atau simpanan saya?	Tidak, anda perlu memohon sekali seaja. Untuk bulan-bulan seterusnya, pembayaran balik akan dikreditkan ke dalam akaun yang sama sehingga program moratorium berakhir.
48	Merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh BNM pada	Tidak, pindaan tersebut TIDAK terpakai kepada produk Pembiayaan Peribadi Sektor Awam-i CIMB. Atas dasar muhibah, CIMB tidak akan mengenakan sebarang caj atau keuntungan tambahan bagi moratorium 6

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.

No.	Soalan	Jawapan
	30 April 2020, adakah bayaran tambahan akan dikenakan ke atas pembiayaan Awam-i yang menyertai program moratorium?	bulan.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari CIMB.